

# Komersial 360 produk menjelang 2020

**Kementerian** Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), yang akan mengumumkan 2014 sebagai tahun pengkomersialan produk inovasi dalam pelbagai bidang, menyasar sehingga 360 produk tempatan dapat dikomersilkan menjelang 2020.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah (**gambar**), yakin dengan usaha tersebut, negara mampu mengkomersilkan sebanyak 60 produk setiap tahun, berterusan sehingga 2020.

“Di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10), sejumlah 76 projek sudah diluluskan dengan dana berjumlah RM136 juta yang

mana 13 projek (17 peratus) daripadanya berjaya mengkomersialkan produk mereka di dalam dan di luar negara.

## **Jana jualan RM19.2 juta**

“Sehingga 31 Julai lalu, syarikat itu menjana jualan berjumlah RM19.2 juta dan 411 harta intelek didaftarkan.

“Sebanyak 38 projek pula melibatkan kerja sama pintar bersama universiti tempatan dan juga institusi penyelidikan tempatan”, katanya pada sidang media selepas menghadiri majlis Hari Raya Aidilfitri dan Perasmian Pavilion Produk anjuran Malaysian Technology Development

Corporation (MTDC), di Serdang, Selangor, semalam.

Katanya, sejak pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK-7), kerajaan melalui MTDC telah membantu hampir 500 syarikat mengkomersilkan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) universiti serta institut penyelidikan tempatan dengan nilai pembiayaan dana melebihi RM700 juta.

Sementara itu, Ketua Eksekutif MTDC, Datuk Norhalim Yunus, berkata program Symbiosis yang bertujuan melahirkan golongan usahawan teknologi dalam kalangan graduan, akan diperluaskan ke Universiti Malaysia Perlis (Uni-

MAP) dan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) tahun ini, di bawah Symbiosis 2.0.

Katanya, setakat kini, sebanyak 47 syarikat sudah menyertai program Symbiosis, iaitu di bawah FRIM-MTDC, UKM-MTDC, UTM-MTDC, UPM-MTDC dan NCIA-MTDC-USM Symbiosis.

## **Komersial 47 teknologi**

“Secara keseluruhannya, sebanyak 47 syarikat berjaya ditubuhkan melalui program terbabit bagi mengkomersialkan 47 teknologi daripada universiti dan institusi penyelidikan terpilih.

“Ada produk keluaran syarikat berkenaan sudah mendapat tem-



pahan dan dipasarkan,” katanya.

Symbiosis adalah program yang memberi bimbingan keusahawanan dari segi pembangunan perniagaan, pemasaran, pengurusan harta intelek, pengenalan kepada jaringan kerjasama dengan industri di dalam dan luar negara serta agensi kerajaan yang lain.

**BERNAMA**